

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 10 OGOS 2019

MUKA SURAT: 9

Sisa bahan kimia masuk sungai

Tiga tempat pembuangan sampah haram punca pencemaran

Oleh Mohd Azis Ngah
azis@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sisa bahan kimia yang ditemui dibuang di dua tempat pembuangan sampah haram, berhampiran tebing anak sungai yang bersambung dengan Sungai Gombak, sudah 'dibersihkan' air hujan.

Pada 27 Julai lalu, *BH* melaporkan tiga tempat pembuangan sampah haram di sepanjang Jalan Genting Sempah-Bentong itu menjadi antara punca pencemaran beberapa sumber air dan anak Sungai Gombak.

Ketiga-tiga tempat pembuangan sampah itu terletak di cerun bukit dan air sisa sampah berkenaan dikatakan mengalir masuk ke punca air selepas hujan lebat.

Kira-kira dua kilometer (km) dari situ, terdapat muka sauk Sungai Gombak manakala Loji Rawatan Air (LRA), Wangsa Maju di Kampung Sungai Chinchin pula berada pada jarak hampir lapan

km dari tempat berkenaan.

Tinjauan semula selepas 13 hari laporan *BH* disiarkan mendapati, serbuk bahan kimia berwarna biru dan kuning sudah hilang di permukaan tebing, dipercayai mengalir ke cerun bersama air hujan.

Namun, beberapa gumi yang tertulis nama produk bahan kimia itu masih ada di tempat sama. Beberapa pokok kecil dan rumput yang sebelum ini layu akibat terkena bahan kimia itu kelihatan semakin pulih.

Semakan mendapati bahan itu dipercayai digunakan untuk menghasilkan produk berasaskan plastik seperti bekas makanan, plastik sampah, penutup botol dan rak plastik.

Kedua-dua tempat pembuangan sampah itu semakin teruk apabila berapa bongkah simen bersaiz besar turut dibuang di situ. Selain itu, lokasi berkenaan juga menjadi tempat pembuangan sisa makanan termasuk kulit kelapa muda dan kulit durian.

Beberapa penduduk tempatan



Longgokan sampah berhampiran muka sauk Sungai Gombak di laluan Genting Sempah-Bentong.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Memang nampak jernih, tetapi jangan tersalah sangka. Air sungai ini bukan macam sebelum ini. Hanyir dan busuk, terutama selepas hujan.

Ali,
Penduduk

tiada maklumat, siapa membuang sampah di tiga lokasi berkenaan. "Saya percaya mereka buang sampah di situ pada waktu malam. Larian ini memang jarang digunakan, tak banyak kenderaan, apatah lagi di sebelah malam," katanya.

"Mereka cuma campak sampah di tepi jalan," katanya yang mengharapkan pihak berkuasa tempatan lebih kerap melakukan rondaan dan segera mengambil tindakan.

Penduduk desak batal permit kilang bateri

Banting: Hampir 100 penduduk dari Kampung Jenjarom, Kampung Sungai Jarom dan Taman Jarom Mas, di sini, semalam, mengadakan demonstrasi aman membantah operasi sebuah kilang bateri yang dipercayai menyebabkan pencemaran.

Mereka mendakwa, kilang itu sebelum ini pernah diarahkan tutup selepas didapati bersalah menyebabkan pencemaran plumbum kepada tanah, air dan udara di kawasan Jenjarom, tetapi diberikan lesen operasi sementara pada awal tahun ini.

Sehubungan itu, mereka mendesak Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Jabatan Alam Sekitar (JAS) atau kerajaan negeri Selangor supaya membatalkan segera permit dan tidak menyambungkan semula kelulusan operasi sementara yang akan tamat pada 19 Ogos ini.

Bantahan di depan kilang itu menyaksikan peserta demonstrasi melautkan desakan supaya kerajaan segera bertindak dan kilang itu perlu dipindahkan ke lokasi lain kerana mengancam kesihatan penduduk.

Mereka membawa pelbagai sepanduk seperti 'Pekerja kilang bateri bantu orang kampung, anda juga berisiko', 'Kilang bateri pindah dari jenjarom', 'Kami sakit, korang pun sakit' dan 'Bunyikan hon anda tanda menyokong'.

Pada 27 Julai lalu, *BH* mendedahkan operasi kilang itu adalah antara punca pencemaran di Sungai Jarom yang bersambung ke Sungai Buaya, di sini.

Kedua-dua sungai itu bersambung ke Sungai Langat, yang menjadi sumber bekalan air penduduk Lembah Klang yang diproses di Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih 2.

Seorang penduduk, Mohd Nazri Afrizal, 36, berkata selepas beberapa kali mengadakan pertemuan dengan pihak berkuasa dan pengurusan kilang, mereka masih tidak dimaklumkan mengenai status kilang berkenaan.

"Apa akan jadi selepas 19 Ogos ini. Semua pihak berdiam diri. Bukan di sini tempat mereka kerana ini kawasan industri sederhana, bukan industri berat.

"Fikirkan nasib anak kami. Apa akan jadi dengan nasib me-

reka. Kami tidak sanggup melihat mereka menderita sakit buah pinggang, sakit otak kerana pencemaran plumbum," katanya.

Katanya, kedudukan kilang itu yang terletak kira-kira 200 meter dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jenjarom boleh menyebabkan pelajar di situ berisiko terkena penyakit.

Penduduk mendakwa kilang itu membuang sisa proses plumbum ke dalam tanah, namun kesan kotoran kelihatan jelas di parit kecil yang bersambung ke saluran utama di kawasan penempatan.

Sementara itu, Pengerusi Persekitaran Alam Sekitar Kuala Langat, Tan Ching Hin menegaskan, wakil mereka pernah masuk ke kilang berkenaan dan terbukti mereka menjalankan proses peleburan plumbum.

"Kami pernah masuk ke sana dan mengadakan mesuarat. Memang ada aktiviti lebur plumbum.

"Kami jalankan ujian makmal dengan kos sendiri dan memang ada kesan plumbum dan unsur pencemaran lain," katanya.



nyikan
HON
da Anda
KILANG
BATERI
KILANG

Penduduk mengadakan demonstrasi aman membantah operasi sebuah kilang bateri di Kampung Sungai Jarom, semalam. (Foto Sairien Nafis/BH)

Sementara itu, Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid, berkata lesen sementara selama dua bulan yang dikeluarkan kepada kilang berkenaan selepas menerima dan mengambil kira surat sokongan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Putrajaya.

Katanya, JAS sebagai antara jabatan teknikal memberi ulasan tiada halangan untuk kilang itu meneruskan operasi di premis sedia ada, selepas Perintah Lara-

ngan mengikut Seksyen 34AA Akta Kualiti Alam Sekililing 1974, ditarik balik.

Katanya, surat sokongan daripada JAS itu dikeluarkan pada 12 Jun lalu.

"Selain itu, kilang juga perlu mematuhi beberapa syarat yang dikeluarkan oleh JAS seperti tidak menjalankan aktiviti dan operasi melebur plumbum sehingga kelulusan laporan kajian Impak Alam Sekitar (EIA) dikeluarkan oleh JAS.